

LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN
YANG TELAH DIODITKAN

bagi

LEMBAGA ~~PERMISARAN~~
PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA

1970

ANNUAL REPORT AND AUDITED ACCOUNTS

of the

FEDERAL AGRICULTURAL
MARKETING AUTHORITY
MALAYSIA

1970

Harga : \$1

PERPUSTAKAAN
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan (FAMA),
Jalan 5, 50450 Kuala Lumpur,
Tanj. Pagar, Kuala Lumpur.

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN
YANG TELAH DIODITKAN**

bagi

**LEMBAGA PEMASARAN
PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA**

1970

ANNUAL REPORT AND STATEMENT OF ACCOUNTS

of the

*FEDERAL AGRICULTURAL
MARKETING AUTHORITY
MALAYSIA*

1970



LEMBAGA PEMASARAN
PERTANIAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD
NO. 5, JALAN 5/1, 50450 KUALA LUMPUR.

LAPURAN TAHUNAN 1970

Pendahuluan

Laporan ini ialah laporan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang meliputi tahun yang berakhir pada 31hb Disember, 1970.

2. Lembaga ini telah ditubuhkan pada 30hb September, 1965 di bawah **Akta** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, yang menyatakan bahawa tugas-tugas Lembaga adalah seperti berikut :

- (a) untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan pemasaran hasil-hasil pertanian oleh orang-orang persendirian atau badan-badan pertubuhan (samada dalam perkhidmatan Kerajaan atau swasta) yang terlibat atau mungkin terlibat di dalam sebarang bidang pemasaran hasil-hasil pertanian;
- (b) untuk menimbang dan memajukan, jika perlu, cara-cara untuk memperbaiki pasaran dan cara-cara pemasaran hasil-hasil pertanian dan untuk mencari serta memajukan pasaran dan saluran-saluran dan pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian; dan
- (c) untuk bekerjasama dengan orang-orang atau badan-badan pertubuhan (samada di dalam perkhidmatan Kerajaan atau swasta) untuk memajukan pemasaran hasil-hasil pertanian supaya lebih licin dan berkesan.

3. Untuk menjalankan tugas-tugas yang tersebut di atas Lembaga telah diberi kuasa-kuasa yang berikut :

- (a) untuk menimbang sebarang rancangan pemasaran yang dikemukakan oleh sesiapa sahaja, ataupun dengan usaha Lembaga sendiri untuk mencadang apa-apa rancangan pemasaran;
- (b) untuk menjalankan penyelidikan dan penyiasatan-penyiasatan pemasaran, khususnya mengadakan penyiasatan-penyiasatan yang berkaitan dengan -
 - (i) kos pengeluaran, memproses, pengangkutan, dan pemasaran hasil pertanian;
 - (ii) peringkat-peringkat harga, pasaran-pasaran dan kaedah-kaedah pemasaran, dan sistem memperingkat mutu;
 - (iii) Iain-lain perkara yang ada kaitannya dengan pemasaran hasil pertanian.
- (c) untuk mengenakan syarat supaya orang-orang yang menjalankan pengeluaran atau pemasaran hasil pertanian yang tertakluk kepada mana-mana rancangan pemasaran, supaya mendaftar dan memberi maklumat berkaitan dengan hasil pertanian yang berkenaan, mengenai apa yang difikirkan perlu oleh Lembaga; dan
- (d) untuk menjalankan apa juga yang dianggap patut oleh Lembaga supaya tugas-tugas yang terkandung di dalam Aktanya dapat dijalankan dengan berkesan.

4. Lembaga adalah bertanggungjawab kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Tanah dalam menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawabnya. Lembaga dibiayai oleh Kerajaan dengan pemberian wang (grant) secara langsung untuk perbelanjaan pentadbiran dan pembangunan dan wang pinjaman untuk rancangan-rancangan perniagaannya.

Ahli Lembaga

5. Lembaga sebagaimana yang tercatat di bawah Seksyen 2 Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965, mempunyai 12 orang ahli. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi diantik oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung. Sepuluh orang ahli-ahli lain yang terdiri dari lima orang ahli resmi dan lima orang ahli tidak resmi oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Tanah. Dato' Haji Abdullah bin Mahmood, S.M.J.K., D.P.M.K., J.M.N., telah diantik sebagai Pengerusi Lembaga bagi tempoh dua tahun bermula dari 1hb November, 1969. Timbalan Pengerusi ialah Encik Abdul Rahman bin Haji Yusof, A.M.N. Ahli-ahli yang berikut telah diantik dalam tahun 1969 untuk tempoh dua tahun mulai dari 1hb Oktober, 1969.

Ahli-ah Resmi

<i>Wakil Kementerian Pertanian dan Tanah</i>	— Encik Abu Bakar bin Haji Mohd. Said (berhenti sebelum tamat tempoh)
	— Encik Mohd. Yob bin Busu (berhenti sebelum tamat tempoh)
	— Encik Abdul Ghani b. Mohd. Noor
<i>Wakil Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar</i>	— Encik Mohd. Naim bin Haji Abdullah (berhenti sebelum tamat tempoh)
	— Tuan Radin Soenarno Al-Haj
<i>Wakil Yunit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri</i>	— Encik Mohd. Noor bin Mohd. Hassan
<i>Wakil Perbendaharaan</i>	— Encik Mohd. Saufi bin Abdullah (hingga 31.1.1970)
	— Encik Nik Mohd. Zain bin Haji Hassan (dari 1.2.1970)
<i>Wakil Kementerian Perdagangan dan Perusahaan</i>	— Encik Nik Mohd. Salleh b. Hj. Mat
Ahli-ahli Tidak Resmi	— Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid
	— Encik Mohd. Said bin Keruak
	— Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun
	— Encik Lat bin Kassim

Mesyuarat-mesyuarat Lembaga

6. Bagi tahun 1970 Lembaga telah bersidang sebanyak 4 kali, dan Jawatan-kuasa Kerja Lembaga bersidang sebanyak 5 kali.
7. Berikut adalah ahli-ahli Jawatankuasa Kerja:—

Pengerusi

Timbalan Pengerusi

Wakil Kementerian Pertanian dan Tanah

Wakil Perbendaharaan

Wakil Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid

Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun

Kakitangan

8. Di akhir tahun 1970, kakitangan Lembaga berjumlah 151 orang semuanya.

9. Dalam tahun yang dilapurkan ini, tiga orang kakitangan kanan Lembaga telah pergi ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka atau mendapatkan latihan di dalam bidang pemasaran pertanian. Seorang Ahli Ekonomi Pertanian Kanan, Encik A. J. Reutens, telah bertolak ke Amerika Syarikat pada 16hb Jun, 1970 untuk pengajian Ijazah Kedoktoran di Universiti Illinois, Urbana, Illinois, dengan perbelanjaan Majlis Kemajuan Pertanian (ADC). Encik Ragavan Nair, seorang Pemangku Ahli Ekonomi Pertanian Kanan telah ditawarkan 'fellowship' penyelidikan di bawah 'Adre Mayer Research Fellowship' dan telah membuat kajian penyelidikan mengenai 'Agricultural and Price Policies Ned in High Yielding Varieties Programme' di Universiti Wisconsin selama satu tahun mulai dari 5hb September, 1970. Kakitangan Lembaga yang ketiga, Tuan Syed Abdul Jabbar bin Syed Hassan Shahabuddin, telah melanjutkan pelajarannya untuk Ijazah Sarjana dalam Sains Pertanian di Universiti Newcastle, England, dari 30hb September, 1970.

10. Satu kursus orientasi bagi Penolong Merinyu Pemasaran telah diadakan dari 2hb hingga 10hb Januari, 1970, dengan tujuan untuk membiasakan mereka dengan kemajuan-kemajuan yang terbaharu pertubuhan ini. Ucapan-ucapan telah diberi oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Kajiteknik Makanan, Serdang, Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras, Kemajuan Syarikat Kerjasama, Jabatan Pertanian dan oleh pegawai-pegawai Lembaga ini sendiri.

11. Satu rancangan latihan telah juga diadakan dari 5hb hingga 10hb Oktober, 1970 untuk tujuh belas orang Merinyu Pemasaran dan Penolong Merinyu Pemasaran di Tanjung Karang, di mana peserta-peserta mendapat peluang untuk mempelajari perjalanan-perjalanan Rancangan Pemasaran Padi di tempat tersebut.

12. Satu kursus mengenai pementakan mutu padi telah diadakan oleh Lembaga dari 13hb hingga 17hb Oktober, 1970, bagi duapuluh orang Merinyu Pemasaran dan Penolong Merinyu Pemasaran dengan pertolongan

Bahagian Kajiteknik Makanan, Serdang. Dalam kursus ini, peserta-peserta telah diterangkan mengenai cara-cara untuk menentukan jenis-jenis padi, dan cara-cara menjemur, menyimpan dan mengiling dan diamalkan sekarang.

Pindaan Ke atas Akta FAMA 49 tahun 1965

13. Semasa Parliamen digantungkan Seksyen 4 dan 5 Akta Lembaga telah dipinda di bawah Ordinan (Kuasa-kuasa Yang Diperlukan) Dharurat Bil. 23 tahun 1970 yang telah diwartakan pada 26hb Februari, 1970.

14. Seksyen 4 memberi peruntukan untuk mengadakan satu siasatan awam di mana bantahan-bantahan ke atas mana-mana rancangan yang dicadangkan oleh Lembaga boleh dikemukakan. Dengan pindaan di bawah Ordinan Dharurat, siasatan awam ini telah diganti oleh satu perjumpaan tertutup untuk mendengar apa-apa bantahan yang telah lebih dahulu dikemukakan kepada Lembaga secara bertulis.

15. Di bawah Seksyen 5, Menteri Pertanian dan Tanah boleh, atas perakuan Lembaga, menetapkan sesuatu rancangan pemasaran mengenai sesuatu hasil pertanian. Bagaimanapun, dengan pergantungan Parliamen dan penubuhan Majlis Gerakan Negara, Seksyen 5 telah dipinda supaya Menteri Pertanian dan Tanah dikehendaki mendapatkan kelulusan Majlis Gerakan Negara sebelum menetapkan apa-apa rancangan pemasaran.

Rancangan Memperba Pemasaran

Padi

16. Di akhir tahun 1970, Lembaga telah melaksanakan 8 rancangan pemasaran padi di Malaysia Barat. Kerja-kerja peringkat awal telah dimulakan dalam tahun 1970 untuk melaksanakan rancangan-rancangan kawalan pemasaran padi di Trengganu, Pahang dan Melaka dan meluaskan aktiviti-aktiviti perniagaan ke Kelantan dan Trengganu. Dengan terlaksananya rancangan-rancangan ini, rancangan pemasaran padi Lembaga akan meliputi semua kawasan padi yang utama di negara ini.

17. Lembaga telah memulakan rancangan perniagaan padinya di Kedah dalam bulan Ogos, 1970 dan satu daripada tujuan utama mengadakan rancangan ini ialah untuk mengatasi kekurangan kemudahan-kemudahan mengering di kawasan Rancangan Pengairan Muda hasil dari penanaman padi dua kali setahun. Secara sementara, Lembaga telah membina dua yunit pengering padi sementara di Anak Bukit dan Arau. Pembinaan lima buah kompleks mengering dan menyimpan padi juga dimulakan dalam tahun 1970, sebagai satu langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah yang telah disebutkan di atas. Komplek-komplek ini diharapkan akan siap dalam bulan Julai 1971.

18. Pembinaan kompleks mengiling dan menyimpan padi di Peringat, Kelantan bermula dalam tahun 1970 dan dijadualkan siap pada akhir tahun 1971. Lembaga juga telah memulakan pembinaan sebuah kilang padi di Sungai Besar di bawah Rancangan Pemasaran Padi Tanjong Karang/Sabak Bernam, dan kilang ini dijadualkan akan mula berjalan pada awal tahun 1971.

Ikan

19. Rancangan Pemasaran Ikan yang **disemak** semula telah diluluskan oleh Lembaga pada 13hb April, 1970. Antara lain, rancangan yang dicadangkan ini **juga** memberi peruntukan bagi Jemaah Pemasaran Ikan, yang akan **menguruskan** Rancangan tersebut, dengan kedua-dua kuasa perniagaan dan pengawalan. Ini adalah satu **langkah** permulaan untuk memajukan sistem pemasaran ikan di negara ini.

20. **Beberapa kajian** telah dijalankan dalam tahun yang dilaporkan untuk mengumpul data tambahan bagi **melaksanakan** rancangan ini dengan **lebih berkesan**, dan ini termasuklah kajian mengenai :

- (a) pemasaran ikan bilis di Pulau Langkawi;
- (b) pemasaran ikan di Kota Bharu;
- (c) pengedaran ikan di Perak, Pulau Pinang dan Selangor; dan
- (d) pemasaran ikan di Kuala Trengganu

Lada Hitam

21. Pada pertengahan tahun 1970, Rancangan Pemasaran Lada Hitam telah dibentuk dan disiarkan dalam Warta Kerajaan untuk mendapat ulasan dan bantahan mengikut Seksyen 4 Akta FAMA.

22. Dalam tahun yang dilaporkan, satu Jawatankuasa Bertindak yang **dipengerusikan** oleh Timbalan Pengerusi FAMA telah juga ditubuhkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Modal. Tugas Jawatankuasa Bertindak ini adalah untuk meninjau **kemudahan-kemudahan** kredit, perkhidmatan memproses dan pemasaran yang diberikan oleh Singapura kepada pengeksport-engeksport lada hitam di Sarawak dan untuk **mengesyorkan langkah-langkah** supaya kemudahan-kemudahan tersebut diadakan di Sarawak, sebagai satu tapak untuk memajukan eksport lada hitam secara langsung.

Kopi

23. Rancangan Pemasaran Kopi Lembaga akan dilaksanakan dalam dua peringkat. Bagi peringkat pertama, Jemaah bercadang untuk melesen dan mengawal perantara-perantara pasaran dan di bawah peringkat kedua Jemaah akan turut serta dalam perniagaan dengan cara membeli dan memproses buah-buah kopi dan menjual biji kopi.

24. Rancangan ini akan **diuruskan** oleh Jemaah Pemasaran **Hasil-hasil Pertanian**, yang telah dicadang oleh Lembaga untuk ditubuhkan dalam tahun 1971. Jemaah ini akan **bertanggungjawab** menjalankan kegiatan membeli secara langsung, menjual dan menyimpan buah dan biji kopi pekebun-pekebun kecil yang biasanya menjual sedikit-sedikit dan **tidak tetap**.

Penyiasatan dan Penyelidikan

25. Lembaga telah menjalankan satu program yang lengkap bagi **penyelidikan** dan penyiasatan pemasaran untuk menolong usaha membentuk dasar pemasaran yang berkesan. Selaras dengan **matlamat** ini **beberapa** penyiasatan dan penyelidikan telah dijalankan dalam tahun yang dilaporkan.

(a) **Penyiasatan ke atas Pemborong-pemborong Beras di Kuala Lumpur**

Penyiasatan ini telah dijalankan dalam bulan Jun, 1970 dengan tujuan utama untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai permintaan beras tempatan berbanding dengan beras yang diimport amnya, dan untuk menentukan penerimaan penggunaan terhadap beras jenis Bahagia, khususnya.

(b) **Penyiasatan Saluran Pasaran Buah dan Biji Kopi**

Lembaga memulakan Penyiasatan Saluran Pasaran Buah dan Biji Kopi dalam bulan Disember, 1970, dengan tujuan utama untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lengkap mengenai pemasaran kopi di Selangor bagi memudahkan perlaksanaan Rancangan Pemasaran Kopi.

(c) **Penyiasatan Pemasaran Padi dan Beras Kebangsaan Peringkat III**

Peringkat ke III Penyiasatan Pemasaran Padi dan Beras Kebangsaan yang dimulakan dalam bulan Mei, 1969 telah siap dalam bulan April 1970.

(d) **Kajian Kemungkinan untuk Mengadakan Projek Memproses Ayam yang Disejukkan/Dibekukan di Pulau Pinang**

Atas permintaan Jabatan Haiwan Negeri Pulau Pinang, satu penyiasatan telah dijalankan mengenai pemasaran ayam di Pulau Pinang dan Seberang Prai dari 7hb hingga 28hb September, 1970. Tujuan kajian ini ialah :

- (i) untuk mendapatkan maklumat mengenai pasaran ayam hidup, yang telah disembelih dan dibersihkan, yang disejukkan dan yang dibekukan di Pulau Pinang;
- (ii) untuk mengetahui harapan pasaran ayam yang disejukkan dan dibekukan di Pulau Pinang khususnya dan di Malaysia Barat amnya;
- (iii) untuk menimbang kemungkinan dari segi ekonomi bagi mengadakan satu projek di Pulau Pinang untuk memproses ayam yang disejukkan dan dibekukan.

(e) **Penyiasatan Pemasaran Buah-buahan dan Sayur-sayuran**

Lembaga telah menjalankan penyiasatan mengenai pemasaran buah-buahan dan sayur-sayuran di Negeri-negeri Kelantan, Pahang, Trengganu, Selangor dan Negeri Sembilan di dalam tahun yang dilaporkan dengan tujuan untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan amalan-amalan pengeluaran dan pemasaran hasil-hasil tersebut.

Perisik dan Kemajuan Pasaran

26. Lembaga telah turut serta di dalam Pamiran Perdagangan Persatuan Pengguna-Pengguna Selangor dari 10hb hingga 16hb Disember, 1970 di Stadium Negara. Tema penyertaan Lembaga ialah mengenai beras dan buah-buahan tempatan, dengan tujuan untuk menambahkan kegemaran memakan hasil-hasil tersebut.

27. Selaras dengan kempen 'Lebihkan Makan Buah-buahan Tempatan' Lembaga satu risalah di dalam Bahasa Malaysia mengenai nilai zat buah-buahan tempatan telah diterbitkan. Satu risalah kemajuan pasaran mengenai usaha memproses ubikayu racik di Malaysia Barat dan satu buku panduan mengenai Pasar Borong Kuala Lumpur di Jalan Maxwell telah juga di-edarkan kepada mereka yang berminat.

Penerbitan

28. Lembaga telah menerbitkan Kajian Ekonomi Pertanian Malaysia, Jld. 3, Bil. 1, dan Warta Barangan Bulanan dan Perangkaan Barangan Suku Tahun di dalam tahun yang dilapurkan.

Kira-kira Tahunan

29. Kira-kira Lembaga yang telah diodit dikepilkan bersama-sama ini.

(T.t.)

DATUK HAJI ABDULLAH BIN MAHMOOD,
S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N.,
Pengerusi,
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan.

(T.t.)

ENCIK ABDUL RAHMAN BIN
HAJI YUSOF, A.M.N.,
Timbalan Pengerusi,
Lembaga Pemasaran Pertanian
Persekutuan.

ANNUAL REPORT 1970

Introduction

1. This is a report of the Federal Agricultural Marketing Authority (**FAMA**), covering the year ending 31st December, 1970.

2. The Authority was established on the 30th September, 1965, under the Federal **Agricultural** Marketing Authority Act, 1965, which provides that the functions of the establishment shall be as **follows** :—

- (a) To co-ordinate the activities in respect of the marketing of agricultural produce, of the various persons or bodies of persons (whether incorporate or unincorporate, and whether in the public services or otherwise) which are or might be concerned with any aspect of the marketing of agricultural produce;
- (b) to consider, and to promote where necessary and desirable, ways and means by which existing markets and methods of **marketing** of **agricultural** produce might be improved; and to seek and promote new markets and outlets for agricultural produce;
- (c) to collaborate with persons or bodies of persons (whether incorporate or unincorporate, and whether in the public services or otherwise) to promote efficient and effective marketing of agricultural produce.

3. To carry out the above functions, the Authority is vested with the following powers :

- (a) to consider any marketing scheme by whomsoever submitted, or on its own motion to propose any **marketing** scheme;
- (b) to cause to be carried out marketing research and investigations and, in particular, to cause to be conducted, enquiries relating to ;
 - (i) cost of production, processing, transportation and marketing of agricultural produce;
 - (ii) price levels, markets and marketing methods, and system of grading;
 - (iii) any other matter relating to the marketing of agricultural produce;
- (c) to require persons engaged in the production or marketing of any agricultural produce, in respect of which a marketing scheme has been prescribed to register and to give in such manner as the Authority may specify such information with respect to such produce as the Authority may deem necessary; and
- (d) to do such other things as the Authority deems fit for the effective carrying out of the functions under this Act.

4. The Authority is responsible to the Hon'ble Minister of the Ministry of Agricultural and Lands for the conduct of its functions and responsibilities.

It is financed by the government through direct grants in respect of administrative and development expenditures and loans in respect of its trading schemes.

Constitution of the Authority

5. The Authority, as constituted under Section 2 of the Federal Agricultural Marketing Authority Act, 1965 comprised 12 members. The Chairman and the Deputy Chairman are appointed by the D.Y.M.M. Sri Paduka **Baginda** Yang Dipertuan Agung. The other 10 members, consisting of 5 official members and 5 unofficial members are appointed by the Hon'ble Minister of Agriculture and Lands. Dato Haji Abdullah bin Mahmood, S.M.J.K., D.P.M.K., J.M.N. was appointed as Chairman of the Authority for a two-year office term with effect from the 1st November, 1969. The Deputy Chairman is Encik Abdul Rahman bin Haji Yusof, A.M.N. The following members were appointed in 1969 for a two-year term with effect from 1st October, 1969.

Official Members :

- | | |
|--|--|
| <i>Representative of the Ministry of Agriculture & Lands</i> | — Encik Abu Bakar bin Haji Mohd. Said (left before term expired) |
| | — Encik Mohd. Yob bin Busu (left before term expired) |
| | — Encik Abdul Ghani bin Mohd. Noor |
| <i>Representative of the Ministry of National & Rural Development</i> | — Encik Mohd Nairn bin Haji Abdullah (left before term expired) |
| | — Tuan Radin Soenarno Al-Haj |
| <i>Representative of the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department</i> | — Encik Mohd. Noor bin Mohd. Hassan |
| <i>Representative of the Treasury</i> | — Encik Mohd. Saufi bin Abdullah (till 31.1.70) |
| | — Encik Nik Mohd. Zain bin Haji Hassan (from 1.2.70) |
| <i>Representative of the Ministry of Commerce and Industry</i> | — Encik Nik Mohd. Salleh bin Haji Nik Mat |

Unofficial Members :

- Encik Abdul Rahman bin Abdul Hamid
- Encik Mohd. Said bin **Keruak**
- Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun
- Encik **Lat** bin **Kassim**

Meetings of the Authority

6. For the year 1970, the Authority met 4 times while 5 meetings were held by the Executive Committee of the Authority.

7. The following were members of the Executive Committee :

The Chairman

The Deputy Chairman

The Representative, Ministry of Agriculture and Lands

The Representative of the Treasury

The **Representative**, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department

Encik Abdul Rahman bin **Hamid**

Y.M. Raja Khalid bin Raja Harun

Staff

8. At the end of 1970, the Authority had a total establishment of 151 staff.

9. During the year under review, three of the Authority's senior staff went abroad either for furthering their studies or to obtain training in the field of agricultural marketing. A Senior Agricultural Economist, Encik A. J. Reutens, left for the United States of America on the 16th June, 1970 for a Doctorate Degree at the University of Illinois, Urbana, Illinois under the auspices of the Agricultural Development Council. Encik Ragavan Nair, an Acting Senior Agricultural Economist was awarded a research fellowship under the "Andre Mayer Research Fellowship" and undertook a research study on "Agricultural and Price Policies Need in High Yielding Varieties Programme" at the University of Wisconsin for a period of one year from the 5th September, 1970. A third member of the Authority staff, Tuan Syed Abdul Jabbar bin Syed Hassan Shahabuddin, furthered his studies for a Master's Degree in Agricultural Science at the University of Newcastle, England, from the 30th September, 1970.

10. An Orientation Course for Assistant Marketing Inspectors was organised from the 2nd to the 10th January, 1970, the aim of which was to familiarise the officers with the latest development regarding the organisation. Talks were given by officers from the Division of Food Technology, Serdang, the Padi and Rice Marketing Board, the Co-operative Society Development, the Agricultural Department and FAMA.

11. A Training Programme was also arranged from the 5th to the 10th October, 1970 for seventeen Marketing Inspectors and Assistant Marketing Inspectors at Tanjong Karang, where the participants had the opportunity of studying the *modus operandi* of the Scheme itself.

12. A Course on the grading of padi was organised by the Authority from the 13th to 17th October, 1970 for twenty Marketing Inspectors and Assistant Marketing Inspectors with the assistance of the Division of Food Technology, Serdang. At this Course, the participants were informed of the methods

of distinguishing different species of padi, and the current procedure of drying, storing and milling.

Amendments to FAMA Act, 49 of 1965

13. With the suspension of Parliament, Sections 4 and 5 of the Authority's Act were amended under the Emergency (Essential Powers) Ordinance No. 23 of 1970 which was gazetted on the 26th February, 1970.

14. Section 4 allows for a public inquiry at which objections to any proposed scheme can be raised. With the amendment under the Emergency Ordinances, the public inquiry was replaced by a closed hearing in which objections had to be submitted to the Authority in writing in advance.

15. Under Section 5, the Minister of Agriculture and Lands may, upon the recommendations of the Authority, prescribe a marketing scheme in respect of any agricultural produce. However, with the suspension of Parliament and the establishment of the National Operations Council, Section 5 was amended such that the Minister of Agriculture and Lands had to seek the approval of the National Operations Council before prescribing any marketing scheme.

Marketing Improvement Schemes

Padi

16. By the end of 1970, the Authority had implemented 8 padi marketing schemes in West Malaysia. Preliminary work also began in 1970 to implement the regulatory schemes in Trengganu, Pahang and Malacca and to extend trading activities to Kelantan and Trengganu. With the implementation of the above schemes, the Authority's padi marketing schemes will cover the major padi areas in this country.

17. The Authority commenced its trading scheme in Kedah in August, 1970 and one of the main objectives of introducing this scheme was to overcome the shortage of drying facilities in the Muda Irrigation Project area as a result of double cropping. On an interim basis, the Authority installed two units of temporary dryers in Anak Bukit and Arau. Construction of five padi drying and storage complexes also began in 1970, as a long-term measure to overcome the problem mentioned. These complexes are expected to be completed in July 1971.

18. The construction of the padi milling and storage complex in Peringat, Kelantan commenced in 1970 and is scheduled for completion in late 1971. The Authority had also started the construction of a padi mill in Sungei Besar under the Tanjong Karang/Sabak Bernam Marketing Scheme and the mill is scheduled to be operational in early 1971.

Fish

19. The revised Fish Marketing Scheme was approved by the Authority on 13th April, 1970. Among other things, the proposed Scheme also provides for the Fish Marketing Board, which will manage the Scheme, with both trading and regulatory powers. This is an initial measure towards improving the marketing system of fish in the country.

20. Several studies were undertaken during the year to gather additional data for effective implementation of the Scheme, and these included :—

- (a) the marketing of Ikan Bilis in Pulau Langkawi;
- (b) fish marketing in Kota Bharu;
- (c) fish distribution in Perak, Penang and Selangor; and
- (d) fish marketing in Kuala Trengganu.

Pepper

21. By the middle of 1970, the Pepper Marketing Scheme was formulated and published in the Government Gazette in order to invite comments and objections in accordance with Section 4 of the FAMA Act.

22. During the year under review, a Task Force was also established by the Capital Investment Committee with the Deputy Chairman of FAMA as Chairman. The functions of the Task Force were to look into the credit facilities, the processing and marketing services offered in Singapore to Sarawak pepper exporters and to recommend measures so as to enable the provision of these facilities in Sarawak itself as a basis for promoting direct exports of pepper.

Coffee

23. The Authority's Coffee Marketing Scheme would be implemented in two stages. For its first phase, the Board proposed to license and regulate market intermediaries, while under the second phase it would participate in trading through purchasing and processing coffee berries and selling coffee beans.

24. The Scheme will be under the management of the Agricultural Produce Marketing Board which the Authority has proposed to set up in 1971. The Board will be responsible for undertaking direct purchases, sales and storage for minor crop producers whose consignments for sale are generally small and irregular.

Surveys and Investigations

25. The Authority undertook a comprehensive programme on marketing research and investigation to facilitate the formulation of effective marketing policies. In line with this objective, several surveys and investigations were carried out during the year under review:

(a) Survey on Rice Wholesalers in Kuala Lumpur

The above Survey was undertaken in June, 1970, with the main purpose of ascertaining the demand for local rice against imported rice in general, and, in particular, to determine the consumer's acceptance of the Bahagia variety of rice.

(b) Coffee Berry and Bean Outlets Survey

The Authority started the Coffee Berry and Bean Outlets Survey in December, 1970 where the main objective was to obtain detailed information

on coffee marketing in Selangor so as to facilitate the implementation of the Coffee Marketing Scheme.

(c) **The National Padi and Rice Marketing Survey, Phase I**

The Phase III of the National Padi and Rice Marketing Survey which was launched in May 1969, was completed in April 1970.

(d) **A Feasibility Study of a Chilled/Frozen Poultry Processing Project in Penang**

At the request of the State Veterinary Department, Penang, a study was made on the marketing of poultry in Penang State Province (Wellesley and Penang) from the 7th to the 28th September, 1970. The objectives of the study were :—

- (i) to ascertain the existing market for live, dressed, chilled and frozen poultry in Penang State;
- (ii) to find out the market potential for chilled and frozen poultry in Penang and in West Malaysia as a whole;
- (iii) to consider the economic feasibility of setting up a project in Penang for the processing of chilled or frozen poultry.

(e) **Investigations on Fruit and Vegetable Marketing**

The Authority conducted investigations on fruit and vegetable marketing in the States of Kelantan, Pahang, Trengganu, Selangor and Negeri Sembilan during the year under review, with the view of gathering information pertaining to production and marketing practices of these commodities.

Market Intelligence and Promotion

26. The Authority participated in the Selangor Consumer's Association Trade Fair from the 10th to the 16th December, 1970, at Stadium Negara. The theme of the participation was on local rice and fruits with the view of popularising the local consumption of such products.

27. In keeping with the Authority's campaign of 'Eat More Local Fruits' a brochure in Bahasa Malaysia on the nutritional value of local fruits was published and printed. A promotional booklet on tapioca chip processing in West Malaysia and a directory of the Kuala Lumpur wholesalers at Jalan Maxwell were also distributed to interested parties.

Publications

28. The Authority published the Review of Agricultural Economics Malaysia, Vol. 3 No. 1 as well as the Monthly Commodity Bulletin and the Quarterly Commodity Statistics during the year under review.

Annual Accounts

29. The audited accounts of the Authority are attached.

(Sgd.)
DATUK HAJI ABDULLAH BIN MAHMOOD,
S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N.,
Chairman,
Federal Agricultural Marketing
Authority

(Sgd..)
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN
HAJI YUSOF, A.M.N.,
Deputy Chairman,
Federal Agricultural Marketing
Authority.

KIRA-KIRA KEWANGAN AKHIR 1970

Kira-kira dan Kunci Kira-kira yang berkembar ini telah diperiksa mengikut Ordinan Odit, 1957. Semua kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati.

Saya mengaku iaitu menurut Ordinan ini, pada pendapat saya Kira-kira dan Kunci Kira-kira telah diperbuat dengan cara yang tertentu untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai perjalanan dan kedudukan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

(LEE SIEW KUAN),

b.p. Juru Odit Negara.

Kuala Lumpur,
20hb Julai, 1971.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)

MALAYSIA

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31^{HB} DISEMBER, 1970

	\$	\$	\$
LEBIHAN TERKUMPUL			
Baki pada 1hb Januari 1970 :			
Kumpulan Wang Biasa	...	684,514.68	
Kumpulan Wang Pembangunan	...	1,048,924.11	
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	...	104,061.64	
Kumpulan Wang Pusingan untuk Tg. Karang	...	1,065,289.60	
Derma	...	2,857.21	2,905,647.24
<hr/>			
Lebih Pendapatan daripada Perbelanjaan :			
Kumpulan Wang Biasa	...	280,267.79	
Kumpulan Wang Pembangunan	...	6,624,240.19	
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	...	205.33	
Kumpulan Wang Pusingan untuk Tg. Karang	...	64,682.44	6,969,395.75
<hr/>			
			9,875,042.99
Tolak :			
Pindahani Wang Pusingan ke Tg. Karang	...	1,000,000.00	
Lebih Perbelanjaan daripada Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan 1970	...	—	
Derma dikembalikan	...	2,300.00	1,002,300.00
<hr/>			
			<u>8,872,742.99</u>

**ADALAH TERDIRI DARIPADA
HARTA-HARTA**

Harta Jangka Pendek

Wang Runcit	...	338.60	
Wang di Bank :			
Kumpulan Wang Biasa	...	179,805.31	
Kumpulan Wang Pembangunan	...	264,819.87	
Derma	...	557.21	445,182.39
<hr/>			
Pelbagai si berhutang :			
Kumpulan Wang Biasa	...	20,991.96	
Kumpulan Wang Pembangunan	...	1,000,000.00	1,020,991.96
<hr/>			

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB DISEMBER. —(sambungan)

	\$	\$	\$	\$
Faedah akan diterima :				
Kumpulan Wang Biasa		21,097.74		
Kumpulan Wang Pembangunan		23,912.91		
Kumpulan Wang Pusingan untuk Tanjong Karang		22,931.68	67,942.33	
		<hr/>		
Pertaruhan			5,780.00	
Bayaran Terdahulu :				
Kumpulan Wang Biasa		1,612.22		
Kumpulan Wang Pembangunan		1,176.75	2,788.97	
		<hr/>		
Simpanan Tetap :				
Kumpulan Wang Biasa		776,560.36		
Kumpulan Wang Pembangunan		6,394,486.33		
Kumpulan Wang Pusingan untuk Tanjong Karang		1,107,040.36	8,278,087.05	9,821,111.30
		<hr/>	<hr/>	
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan				
Wang di Bank			28,681.79	
Pinjaman-pinjaman Belum Genap ...			75,585.18	104,266.97
			<hr/>	<hr/>
Harta-Harta Tetap				
Perabot dan alat-alat pe- jabat pada 1hb Januari 1970	73,868.19	64,839.68	9,028.51	
Susutan bagi tahun ber- akhir pada 31hb Disember, 1970	—	4,257.24	(4,257.24)	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	
	73,868.19	69,096.92	4,771.27	
Tambahan dalam tahun 1970	5,975.20	1,230.64	4,744.56	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	
	79,843.39	70,327.56	9,515.83	
Kereta-kereta bermotor	8,699.00	8,698.00	1.00	
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	
	88,542.39	79,025.56	9,516.83	9,516.83
				<hr/>
				9,934,895.10

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB DISEMBER, —(sambunga

	\$	\$	\$
TOLAK TANGGUNGAN-TANGGUNGAN			
Tanggungjawab Jangka Pendek			
Pelbagai piutang :			
Kumpulan Wang Biasa	19,880.55		
Kumpulan Wang Pembangunan ...	11,231.56		
Kumpulan Wang Pusingan untuk Tanjong Karang	1,000,000.00	4,031,112.11	
Pertaruhan Tawaran		—	
Penerimaan tuntutan Kumpulan Insuran Kemalangan Atas Diri Sendiri ...		31,040.00	
Derma		—	1,062,152.11
		—————	<u>8,872,742.99</u>

Sgd.
**DATUK HAJI ABDULLAH BIN
 MAHMOOD, S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N.,**
 Pengerusi,
 Lembaga Pemasaran Pertanian
 Persekutuan.

Sgd.
**ENCIK ABDUL RAHMAN BIN
 HAJI YUSOF, A.M.N.,**
 Timbalan Pengerusi,
 Lembaga Pemasaran Pertanian
 Persekutuan.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)

MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI JANGKA
MASA 1HB JANUARI, 1970 HINGGA 31 DISEMBER, 1970

	1970		
	\$	\$	\$
PENDAPATAN			
Pemberian dari Kerajaan Malaysia :—			
Untuk Perbelanjaan Kumpulan Wang Biasa		1,541,691.00	
Untuk Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan		7,815,000.00	9,356,691.00
Untuk Perbadanan Pemasaran Padi & Beras :—			
Kumpulan Wang Biasa	241,000.00		
Kumpulan Wang Pusingan Kompleks Muda	7,300,000.00		
Kumpulan Wang Pusingan untuk Tanjong Karang	—		
Kumpulan Wang Asas, Kelantan Kompleks	800,000.00	8,341,000.00	
Untuk Jemaah Pemasaran Ikan ...	—		
Untuk Jemaah Pemasaran Hasil- Hasil Pertanian	—		
Untuk Jemaah Pemasaran Lada Hitam	—	—	
		8,341,000.00	
Pindahan Kepada :—			
Perbadanan Pemasaran Padi & Beras	8,341,000.00		
Jemaah Pemasaran Ikan	—		
Jemaah Pemasaran Hasil-Hasil Perta- nian	—		
Jemaah Pemasaran Lada Hitam ...	—	8,341,000.00	

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI JANGKA
MASA HB JANUARI 1970 HINGGA 31HB DISEMBER, 1970—
(*sambungan*)

	\$	\$	\$
Faedah-Faedah :—			
Kumpulan Wang Biasa :			
Simpanan Tetap	41,876.96		
Kira-Kira Semasa	3,386.18	45,263.14	
Kumpulan Wang Pembangunan :			
Simpanan Tetap	85,523.07		
Kira-Kira Semasa	30,486.74	116,009.81	
Kumpulan Wang Pusingan untuk			
Tanjong Karang :			
Simpanan Tetap		64,682.44	
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan :			
Kira-Kira Semasa		205.33	226,160.72
Jualan Buku-Buku Cetak			670.29
Bayaran Iklan diterima			222.00
Peruntukan terlebih — bayaran odit 1969			30.00
Lain-lain Pendapatan			1,520.00
			9,585,294.01
TOLAK PERBELANJAAN :			
Kumpulan Wang Biasa		1,307,608.64	
Kumpulan Wang Pembangunan		1,308,289.62	2,615,898.26
			6,969,395.75

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)

MALAYSIA

**KUMPULAN WANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN KUNCI KIRA-KIRA PADA 31^{HB} DISEMBER, 1970**

	\$	\$
TANGGUNGAN		
KIRA-KIRA CARUM		
Baki kepunyaan ahli-ahli pada 31.12.1970	388,610.71	
KIRA-KIRA REZAB		
Baki pada 31.12.1970	4,118.54	
TANGGUNGAN SEMASA		
Pelbagai si piutang	14,533.70	407,262.95
	<hr/>	<hr/>
		407,262.95
		<hr/>
ADALAH TERDIRI DARIPADA :		
HARTA-HARTA —		
Harta Jangka Pendek :		
Faedah akan diterima	10,463.75	
Simpanan Tetap	396,799.20	407,262.95
	<hr/>	<hr/>
		407,262.95
		<hr/>

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)

MALAYSIA

**KUMPULAN WANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN KIRA-KIRA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31^{HB} DISEMBER, 1970**

	\$	\$
PENDAPATAN		
Facdah Simpanan Tetap	20,574.40	
	<hr/>	<hr/>
		20,574.40
		<hr/> <hr/>
Lebih Pendapatan daripada Perbelanjaan dibawa ke hadapan	20,179.40	
	<hr/>	<hr/>
		20,179.40
		<hr/> <hr/>
PERBELANJAAN		
Bayaran Pentadbiran (Peruntukan)	300.00	
Bayaran Odit (Peruntukan)	50.00	
Perbelanjaan Alatulis	45.00	
Lebih Pendapatan daripada perbelanjaan dibawa ke hadapan	20,179.40	
	<hr/>	<hr/>
		20,574.40
		<hr/> <hr/>
Faedah dibahagikan kepada ahli-ahli	17,604.13	
Baki dipindahkan kepada kira-kira rezab	2,575.27	
	<hr/>	<hr/>
		20,179.40
		<hr/> <hr/>

Sgd.
DATUK HAJI ABDULLAH BIN MAHMOOD, S.J.M.K., D.P.M.K., J.M.N.,
Pengerusi,
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

Sgd.
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN HAJI YUSOF, A.M.N.,
Timbala Pengerusi,
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)

MALAYSIA

Kumpulan Wang Biasa

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB DISEMBER, 1970

			1970		
	\$	\$	\$		\$
LEBIHAN TERKUMPUL					
Baki pada 1hb Januari 1970	684,514.68		
Lebih Pendapatan daripada Perbelanjaan	280,267.79		964,782.47
					<u>964,782.47</u>
					<u><u>964,782.47</u></u>
ADALAH TERDIRI DARIPADA					
HARTA-HARTA					
Harta Jangka Pendek					
Wang Runcit	338.60		
Wang di Bank	179,805.31		
Pelbagai si berhutang	20,991.96		
Faedah akan diterima	21,097.74		
Pertaruhan	5,780.00		
Bayaran Terdahulu	1,612.22		
Simpanan-Simpanan Tetap	776,560.36		1,006,186.19
					<u>1,006,186.19</u>
Harta-Harta Tetap					
Perabut dan Alat-Alat Pejabat pada 1hb Jan. 1970	73,868.19	64,839.68	9,028.51		
Susutan bagi tahun berakhir pada 31hb Disember 1970	—	4,257.24	(4,257.24)		
	<u>73,868.19</u>	<u>69,096.92</u>	<u>4,771.27</u>		
Tambahan dalam tahun 1970	5,975.20	1,230.64	4,744.56		
	<u>79,843.39</u>	<u>70,327.56</u>	<u>9,515.83</u>		
Kereta-Kereta Bermotor ...	8,699.00	8,698.00	1.00		
	<u>88,542.39</u>	<u>79,025.56</u>	<u>9,516.83</u>		9,516.83
					<u>1,015,703.02</u>
TOLAK TANGGUNGAN-TANGGUNGAN					
Tanggungan Jangka Pendek					
Pelbagai si piutang	19,880.55		
Penerimaan tuntutan Kumpulan Insuran Kemalangan Atas Diri Sendiri	31,040.00		
Derma	—		50,920.55
					<u>50,920.55</u>
					<u><u>964,782.47</u></u>

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)

MALAYSIA

Kumpulan Wang Biasa

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31^{HB} DISEMBER, 1970

	1970		
	\$	\$	\$
PENDAPATAN			
Pemberian dari Kerajaan Malaysia			1,541,691.00
Faedah-Faedah :—			
Dari Simpanan Tetap	...	41,876.96	
Dari Kira-Kira Semasa	...	3,386.18	45,263.14
Jualan Buku-Buku Cetak	...		670.29
Bayaran iklan diterima	...		222.00
Pcruntukan telebih — Bayaran Odit 1969	...		30.00
			1,587,876.43

TOLAK PERBELANJAAN

Gaji :

Gaji Pokok	703,877.24	
Elaun Sara Hidup	55,260.10	
Elaun Rumah	167,883.69	
Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan (Carum Majikan)	69,855.44	
Carum Pensyen bagi Timbalan Pengerusi	4,080.00	
Elaun Trengkas Melayu	1,080.00	
Elaun-Elaun galakan, anak-anak dan kegangguan	11,242.75	
Elaun-Elaun lain	3,184.76	1,016,463.98

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31HB DISEMBER, 1970—(sambungan)

	\$	\$	\$
PERBELANJAAN BERULANG			
Belanja Runcit	1,976.47		
Penyelenggaraan Mesin	869.25		
Talipon dan Taligeram	10,660.25		
Alatulis	8,464.95		
Pengangkutan dan Perjalanan Kaki- tangan	81,412.21		
Pos	2,256.31		
Penerangan	11,029.82		
Peta-Peta	8.00		
Sewa Pejabat	59,200.00		
Buku-Buku Majallah Khutub Khanah Pejabat	5,393.75		
Pakaian Seragam	600.00		
Pengangkutan dan Perjalanan Ahli-Ahli Lembaga	16,934.27		
Elaun Munsyi	397.50		
Perubatan	25,419.04		
Iklan dan Perlantikan	5,013.00		
Pembersihan Pejabat	2,495.90		
Api. Kuasa Letrik dan Air	4,312.23		
Latihan Pemasaran	6,191.59		
Bayaran Peguam	750.00		
Penyelenggaraan Kereta Bermotor ...	2,824.48		
Perbelanjaan Keraian	530.55		
Insuran	5,900.06		
Bayaran Odit	680.00		
Lapuran Tahunan	643.00		
Susutan Harta-Harta Tetap	5,487.88	259,450.51	
	<hr/>		
PERBELANJAAN KHAS			
Seminar Pemasaran (termasuk Latihan Seberang Laut)	1,767.14		
Perbelanjaan Pakar	23,651.86		
Penyelidikan Pasaran	6,275.15	31,694.15	1,307,608.64
	<hr/>		
Lebih Pendapatan daripada Per- belanjaan			<hr/> <hr/> <u>280,267.79</u>

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)

MALAYSIA

Kumpulan Wang Pembangunan

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB DISEMBER, 1970

	1970	
	\$	\$
LEBIHAN TERKUMPUL		
Baki pada 1hb Januari 1970	1,048,924.11	
Tolak : Lebih Perbelanjaan daripada Pendapatan	<u>6,624,240.19</u>	<u>7,673,164.30</u>
		<u><u>7,673,164.30</u></u>
ADALAH TERDIRI DARIPADA :		
HARTA-HARTA		
Harta Jangka Pendek		
Wang di Bank	264,819.87	
Pelbagai si berhutang	1,000,000.00	
Faedah akan diterima	23,912.91	
Bayaran Terdahulu	1,176.75	
Simpanan Tetap	<u>6,394,486.33</u>	7,684,395.86
TOLAK TANGGUNGAN-TANGGUNGAN		
Tanggungan Jangka Pendik		
Pelbagai Si piutang		11,231.56
Wang Pertaruhan		—
		<u><u>7,673,164.30</u></u>

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)

MALAYSIA

Kumpulan Wang Pembangunan

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31^{HB} DISEMBER, 1970

				1970		
			\$	\$		\$
PENDAPATAN						
Pemberian dari Kerajaan Malaysia			7,815,000.00
Faedah-Faedah :—						
Dari Simpanan Tetap	85,523.07		
Dari Kira-Kira Semasa	30,486.74		116,009.81
Lain-lain Pendapatan			1,520.00
						7,932,529.81
TOLAK PERBELANJAAN						
Gaji :						
Gaji Pokok	...		36,802.08			
Elaun Sara Hidup	...		3,543.54			
Elaun Rumah	4,154.67			
Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan (Carum Majikan)	2,198.68	46,698.97		
PERBELANJAAN BERULANG						
Belanja Runcit	60.73			
Talipon dan Taligeram	5,740.14			
Pos	1,214.93			
Alatulis	4,822.63			
Pengangkutan dan Perjalanan	18,019.62			
Peta	293.50			
Perubatan	648.50			
Penyelenggaraan kereta bermotor	2,890.08			
Insuran untuk land rover	188.36			
Perabut pejabat	815.00			
Alat pejabat	4,850.00			
Penyusunan butir-butir	9,500.00			
Perbelanjaan iklan	175.50			
Bayaran peguam	75.00			
Jemur Padi Kelantan	—			
Penyelenggaraan mesen	—	49,293.99		
						95,992.96
						95,992.96
RANCANGAN MUDA						
Kontrek 1001	452,592.00			
Kontrek 1002	255,234.80			
Rancangan Tali Ayer Muda	504,469.86			
Projek Besut	—	1,212,296.66	1,308,289.69	
Lebih Perbelanjaan daripada Pendapatan			6,624,240.19